

# UMS Oil&Gas julang Piala HSCCC 2016

UB 11-10-2016 AG

Oleh DESMOND QWEK

**KOTA KINABALU:** Pasukan UMS Oil&Gas (A) merangkul gelaran juara Kejuhanan Golf Piala Amal Korporat Yang Di-Pertua Negeri (HSCCC) 2016 di Sutera Harbour Marina, Golf & Country Club (SHMGCC) pada Ahad.

Gandingan mantap Fazley Chua (68), Casper Loh (70), Mohd Noh Adzli (71) dan Datuk Dr. Yusop Yaacob (73) mengumpul 209 pukulan, menerusi tiga keputusan terbaik diantara mereka, untuk mengatasi 49 pasukan lain yang mengambil bahagian di kejuhanan edisi Ke-2 kali ini.

Mereka mengatasi rakan

sesepukan UMS Oil&Gas (B) menerusi kelebihan dua pukulan memaksa Saparuddin Abidin (69), Nurul Syahirah Afiqah Saparuddin (70), Khalid Jikal (72) dan Prof. Ir. Dr. Rosalam Sarbatly (85) yang mengumpul 211 pukulan sekadar berpuas hati muncul selaku naib johan.

Tempat ketiga disandang oleh pasukan Asian Supply Base Sdn Bhd gandingan Kiflie Haji Aisoh (70), Abdul Razak Harris (71), Haji Irwan Yob (71) dan Haji Ismail Sakilan (72) mengumpul 212 pukulan.

Dalam pada itu, Shaiful Batong mencatat 69 pukulan untuk menjulang Trofi Jemputan Tuan Yang Terutama.

Beliau mengatasi dua



**JUHAR** (empat kanan) bersama Mohd Noh (dari kanan), Tawfiq, Dr. Yusop, Al Hambra, Kenneth, Fazley dan Casper semasa penyampaian Piala Amal Korporat Yang Di-Pertua Negeri 2016 di Grand Ballroom, The Magellan Sutera Resort pada malam Ahad.

pencabar terdekat dengan kelebihan dua pukulan, di mana selepas Kiraan Semula (OCB), naib johan dan pemenang tempat ketiga masing-masing disandang oleh Mejar Jeneral Dato' Zulkapli Rahman dan Datuk Abu Bakar Abas.

Kejuhanan tahun ini diadakan bersempena Ulangtahun Ke-63, Yang Di-Pertua Negeri, Tun Datuk Seri Panglima Dr. Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin yang mana merupakan penung Sutera Harbour Resorts dan Yayasan Nur Jauhar.

Pengerusi Yayasan Nur Jauhar, Mejar (K) Al Hambra Tun Juhar semasa berucap merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua peserta serta penaja dalam menjayakan kejuhanan

tahun ini.

Kejuhanan itu menawarkan hadiah Pukulan Selubang bernilai lebih RM750,000 terdiri dari satu unit Condominium (tiga bilik) di Kingfisher Inanam bernilai RM418,700 tajaan Hap Seng Properties Development Sdn Bhd, sebuah kereta Mercedes-Benz C180 bernilai RM233,000 tajaan Hap Seng Star Sdn Bhd, wang tunai RM20,000 untuk semua keempat-empat par tiga tajaan bersama Docomo Development Sdn Bhd dan Pembinaan Wijaya Sabah Sdn Bhd, tiket penerbangan Kelas Pertama Kota Kinabalu-London untuk dua orang tajaan Penerbangan Malaysia Berhad dan set golf jenama Yamaha sumbangan MST Golf. Namun begitu, tiada ada pemenang yang bertuah

melakukan HiO.

Majlis penyampaian hadiah telah berlangsung di Grand Ballroom, The Magellan Sutera Resort bersempena Majlis Makan Malam Gala dengan turut disaksikan oleh Menteri Belia dan Sukan Sabah (KBSS) Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan serta pengarah Sutera Harbour Resort; Kenneth Goi.

Penaja utama untuk acara tahun ini ialah Hap Seng Consolidated Berhad dan Asian Base Supply Sdn Bhd dan disokong oleh penaja-penaja lain termasuk Affin Hwang Asset Management Berhad, Petronas and sabah Enegery Corporation, Sound Tech Production Sdn Bhd dan F&N Beverages Marketing Sdn Bhd selaku penaja minuman rasmi 100Plus.



**TAWFIQ** (tengah) diiringi Al Hambra (duakiri) menyampaikan hadiah Trofi Jemputan TYT kepada Zulkapli (dari kanan), Shairul dan Mohd Dakhil yang mewakili Abu Bakar.